

| | | | |
|------------|------------------------------------|-------------|----------------------|
| Headline | SEDAP BAWA PUPUS? | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 01 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 16,17 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1252 cm ² |
| Journalist | Mohamad Hussin dan Mohd Rafi Mamat | AdValue | RM 49,132 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 147,396 |



KELEBIHAN senang dicuci menjadikannya pilihan peniaga lemang.

Mohamad Hussin
dan Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Saya menggunakan periwinkle atau bahasa Nephenthes ampullaria atau bahasa kampung dikenali sebagai periwinkle kerana senang dijumpai dan berbentuk besar.

"Spesies periwinkle itu senang diperolehi di kawasan belukar, malah ia juga senang dicuci. Biasanya, saya dapatkan bekalan daripada Orang Asli di Pahang." Kata pemilik Lemang Periwinkle Kera Warisan, Fairuz Mazwa Harizal, 33.

Fairuz Mazwa yang menjalankan perniagaan itu dari Puncak Alam, Selangor berkata, buat masa ini, dia mendapat stok periwinkle kera dari kampungnya di Segamat, Johor bagi memenuhi tempahan namun suami dan ahli keluarganya yang lain kini membuat semeian benih dan penanaman semula periwinkle kera supaya habitat asal tumbuhan itu tidak terganggu.

"Saya tidak menafikan wujudnya dalam kalangan pengusaha yang bertumba-tumba untuk mendapatkan periwinkle kera ini kerana permintaan lemang periwinkle kera semakin mendapat sambutan.

"Bagaimanapun, bekalan yang saya peroleh dari Orang Asli memberitahu dia akan mengambil periwinkle kera yang matang saja manakala yang masih kecil tidak diambil manakala pokoknya tidak diusik bagi memastikan tumbuhan itu dapat dikutip lagi tahun berikutnya.

"Sebagai peniaga bukannya saya menolak pemuliharaan tumbuhan berkenaan namun apa yang dikesalkan apabila projek pembalakan turut mengancam spesies berkenaan," katanya ketika

dihubungi di sini, semalam. Dia berkata demikian selepas diminta mengulas laporan yang tular di media sosial apabila pakar botani yang juga Felo Penyelidik Ekologi dan Biodiversiti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Emeritus Datuk Dr Abdul Latiff Mohamad menyatakan kekecewaannya dengan Kumpulan Pencari Periwinkle Kera yang mengancam khazanah alam itu.

Ia berikutan kumpulan yang menggelarkan diri mereka Pencari Periwinkle Kera yang disiarkan dalam beberapa akhbar, baru-baru ini.

Bagi Shahrinnahar Latib, 34, berkata, dia mula mencari kelongsong periwinkle kera untuk dijadikan produk lemang periwinkle kera sejak setahun lalu.

Katanya, sebelum ini dia membeli kelongsong periwinkle kera daripada seorang penduduk kampung namun disebabkan harganya yang semakin mahal keputusan mencari terpaksa dilakukan.

"Saya mencari kelongsong periwinkle kera di tepi Jalan Kuantan-Maran dekat Sri Jaya. Pokok berkenaan banyak tumbuh di kawasan lereng bukit dan semak yang berpayau.

"Saya mampu mengumpul



SHAHRIINAHAR mula berniaga lemang periwinkle kera sejak tahun lalu.



PERIWINKLE kera spesies Nephenthes ampullaria mudah didapati di Selangor, Johor dan Pahang.

SEDAP BAWA PUPUS?

■ Pengusaha lemang periwinkle kera semai benih untuk elak pokok terancam

antara 100 dan 300 kelongsong periwinkle kera setiap kali mencari.

"Walaupun terdapat pihak tidak senang dengan aktiviti mencari periwinkle kera kerana dikatakan mengundang kepupusan pokok berkenaan namun sebagai usahawan saya tetap akan meneruskan

perniagaan itu," katanya yang banyak menerima tempahan lemang periwinkle kera sepanjang Ramadan ini.

Bagi Latifah Abdullah, 45, isu kepupusan pokok periwinkle kera seolah-olah sengaja dibangkitkan pihak tertentu yang kurang senang serta tidak faham.

Katanya, pokok periwinkle kera yang kelongsongnya dijadikan lemang periwinkle kera mudah didapati di kawasan berpayau di beberapa daerah negeri ini.

"Pencari kelongsong periwinkle kera hanya memotong bahagian tangkai bukan bertindak memusnahkan pokok berkenaan yang tumbuh secara menjalar.

"Saya kesal apabila ada pihak mendakwa pokok periwinkle kera akan musnah apabila kelongsong diambil secara berterusan," katanya yang mengusahakan perniagaan lemang periwinkle kera sejak lebih tiga tahun lalu.



| | | | |
|------------|------------------------------------|-------------|----------------------|
| Headline | SEDAP BAWA PUPUS? | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 01 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 16,17 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1252 cm ² |
| Journalist | Mohamad Hussin dan Mohd Rafi Mamat | AdValue | RM 49,132 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 147,396 |



PERMINTAAN tinggi lemang periuk nera boleh mengakibatkan kepupusan jika tidak dikawal.

Jejas tumbesaran periuk nera

Kuala Lumpur: Pokok periuk nera adalah sejenis tumbuhan pemanjat yang tumbuh secara semula jadi.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, spesies yang biasa digunakan dalam ketupat periuk nera ialah *Nepenthes ampullaria* yang banyak dijumpai di Selangor, Johor dan Pahang.

"Buat masa ini, tumbuhan berkenaan masih belum mengalami kepupusan. Namun, sekiranya penggunaan tumbuhan ini untuk sebarang tujuan termasuk bagi menghasilkan lemang periuk nera secara berleluasa dan tidak

terkawal, maka ada kemungkinan ia akan mengalami kepupusan.

"Periuk nera ini berfungsi sebagai perangkap makanan yang menyalurkan nutrien kepada tumbuhan. Pengambilan periuk nera daripada tumbuhan ini akan menjejaskan tumbesaran tumbuhan berkenaan.

"Biasanya, periuk nera dijumpai di kawasan terbuka, lembap dan keadaan tanah yang bernutrien rendah," katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Dr Abd Latif berkata, antara 10 spesies yang dijumpai di Semenanjung hanya *Nepenthes benstonei* tergolong dalam kategori terancam (Endangered) dalam Senarai Merah IUCN (IUCN Red List).

"Manakala spesies yang lain dalam kategori Kurang Membimbangkan (Least Concern). Namun di Sabah dan Sarawak, periuk nera adalah spesies yang terlindung.

"Tumbuhan ini akan dilindungi berdasarkan habitatnya. Sekiranya ia terdapat di dalam kawasan perlindungan di Semenanjung maka ia akan terpelihara.

"Sekiranya spesies terdapat di luar kawasan perlindungan maka populasi tumbuhan berkenaan tidak akan terpelihara. Terdapat lebih kurang 110 spesies di seluruh dunia yang kebanyakannya dijumpai di Asia Tenggara manakala terdapat 31 spesies di Borneo dan 10 spesies di Semenanjung Malaysia," katanya.



“Sekiranya spesies terdapat di luar kawasan perlindungan maka populasi tumbuhan berkenaan tidak akan terpelihara”

Dr Abd Latif